

# Penglibatan Jawatankuasa Pendamai dan Hakam dalam Penyelesaian Tuntutan Perceraian

Nur Zulfah Md Abdul Salam\*, Mazarina Nasuha Mat Nayan

Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
43000 Kajang, Malaysia

\*Pengarang Penghubung  
nurzulfah@kuis.edu.my

Received: 20 Januari 2021  
Accepted: 4 September 2021  
Online First: 22 November 2021

## ABSTRAK

*Penglibatan Jawatankuasa Pendamai Dan Hakam sinonim dalam kes perceraian jika salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian. Jawatankuasa Pendamai Dan Hakam mempunyai bidang tugas dan kuasa sedia ada yang diperuntukan dalam Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia. Hampir kesemua negeri-negeri di Malaysia melibatkan jawatankuasa pendamai dan hakam sebagai perunding dalam menangani masalah perceraian mereka. Kajian ini memfokuskan tugas, fungsi, punca kuasa, kelayakan hakam dan kaedah pelaksanaan prosiding jawatankuasa pendamai dan hakam dalam menjalankan tugas mereka. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah temubual dan analisis dokumen dengan merujuk penulisan-penulisan ilmiah, jurnal dan buku yang berkaitan perbincangan. Data-data ini dianalisis melalui data kandungan dari informer dan pembacaan kepada statut serta kaedah perundangan. Hasil dapatan mendapati, amalan pelantikan jawatankuasa pendamai dan hakam adalah berasas dan boleh membantu menyelesaikan masalah pihak-pihak dengan menentukan masalah sekiranya perkahwinan diteruskan atau terbukti gagal kerana shiqaq. Pihak-pihak yang buntu dalam menangani kerumitan masalah rumahtangga mereka akhirnya*



*menemui jalan pengakhirannya sekiranya hakam melafazkan talak bagi pihak suami. Justeru, keengganan suami melafazkan talak juga boleh diselesaikan dengan kuasa hakam namun ianya dilaksanakan sekiranya hakam mendapati bahawa wujudnya shiqaq yang jelas dalam rumah tangga. Walaubagaimanapun, rumusan kajian mendapati fungsi dan kelayakan jawatankuasa pendamai adalah jelas. Namun agak ralat kepada kelayakan hakam yang dilihat sedikit longgar lebih-lebih lagi berkenaan syarat kelayakan dan individu yang layak memohon. Tugas hakam merupakan satu tugas yang besar. Perceraian melalui hakam dikategorikan sebagai talak ba'in sughra yang mana keputusannya juga tidak boleh dirayu. Kesan ini dilihat serius dan sewajarnya barisan hakam yang dilantik mestilah diukur dengan kemampuan setaraf dengan beban tanggungjawab yang dilaksana.*

**Kata Kunci:** *hakam, jawatankuasa pendamai, shiqaq, talak, perceraian.*

## **Involvement of Conciliatory Committee and Arbitration By Hakam in Divorce Settlement**

### **ABSTRACT**

*The involvement of the Conciliatory Committee and Arbitration by Hakam is synonymous when one party does not agree to the divorce. The Conciliatory Committee and Hakam have been given powers under the existing States Islamic Family Law in Malaysia. Almost all states in Malaysia involve Conciliatory Committee and Hakam as a consultant to deal with their divorce. Hence, this study focuses on the history of functions, sources of authority, and methods of execution of conciliation committee proceedings and arbitration by hakam in carrying out their duties. The study adopts a qualitative method through interviews and analysis from scholarly papers, journals, and related books. The data are analyzed using content analysis from informers, statutes, and legal methods. The finding shows that the practice of appointing the Conciliatory Committee and Hakam is grounded and being as consultants of the parties to determine masalah if the marriage is continued or terminated due to talak. The parties who faced difficulty in handling the complexity of their marital problems finally would find ways to end the problem with the assistance of hakam when he pronounced talak on behalf of the husband. Therefore, the husband's refusal to pronounce*

*talak can be resolved by Hakam after the hakam finds that there exists a clear shiqaq between the parties. The study found that the functions and qualifications of the conciliation committee are clear. However, there is a slightly loose in the qualification of the hakam, especially on the aspect of the eligibility requirements and eligibility of the individuals to apply. The duty of hakam is a great task. The pronouncement of divorce by the hakam is considered talak ba'in sughra and the decision could not be appealed. This effect is seen as serious and the appointment of hakam should be measured respectively with the ability that equivalent to the burden of responsibility.*

**Keywords:** *arbitration, conciliatory committee, hakam, talak, shiqaq*

## PENDAHULUAN

Agama Islam melihat perkahwinan sebagai suatu Sunnah yang sangat dituntut kepada umatnya yang sudah cukup syarat. Manakala kelebihan berumahtangga pula dalam dilihat dalam hadis;

إِذَا تَزَوَّجَ الْعَبْدُ فَقَدْ اسْتَكْمَلَ نِصْفَ دِينِهِ؛ فَلْيَتَّقِ اللَّهَ فِي النِّصْفِ الْبَاقِي

*Maksudnya:* Apabila seorang hamba itu berkahwin, maka sesungguhnya dia telah berusaha menyempurnakan sebahagian agamanya, oleh itu hendaklah dia bertaqwa kepada Allah pada sebahagian lagi yang berbaki.

(Riwayat al-Baihaqi (5486), al-Tabarani dalam *Mu'jam al-Awsat* (7647))

Ikatan perkahwinan itu menghalalkan dan membolehkan lelaki dan perempuan hidup bersama sebagai suami isteri melalui akad nikah dengan persetujuan dan kerelaan kedua-dua pihak (Siti Fatimah & Haslee Sharil Lim, 2006). Namun, Islam tetap mengharuskan perceraian bagi setiap pasangan yang merasakan mereka sudah gagal dan tidak mampu meneruskan sifat mawaddah dalam rumah tangga.

Kesemua negeri di Malaysia ada memperuntukan undang-undang berkenaan perceraian. Terdapat pelbagai bentuk perceraian yang boleh dimohon oleh pihak-pihak bergantung kepada alasan perceraian mereka.

Justeru, kaedah perceraian yang paling mudah dan segera diputuskan melalui perceraian secara *fast track*. Perceraian *fast track* ini diluluskan oleh mahkamah tertakluk kepada syarat utama iaitu adanya persetujuan di antara suami dan isteri untuk bercerai. Suami akan melafazkan talak dan isteri bersetuju dengan perceraian tersebut.

Namun, dalam keadaan kategori suami yang enggan melafazkan talak atau isteri yang tidak bersetuju dengan tuntutan cerai, ia menghalang kes diselesaikan segera. Oleh demikian, Jawatan kuasa Pendamai dan Hakam dilantik bagi membantu menjadi pendamai dan perunding cara kepada masalah rumah tangga pihak-pihak. Oleh itu, kajian ini menfokuskan tentang penglibatan jawatankuasa pendamai dan hakam dalam menangani kes perceraian. Keperluan kajian ini adalah untuk mengkaji tentang peranan jawatankuasa pendamai dan hakam menurut peruntukan undang-undang dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Pendekatan undang-undang yang boleh digunakan untuk membantu dalam memulihkan hubungan pasangan yang berkahwin ini ialah melalui rundingan di antara kedua-dua pihak yang terlibat.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Melalui akhbar Sinar Harian online bertarikh 2 November 2018, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor menukilkan pandangan berkenaan perceraian secara hakam (JAKESS, 2018). Berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014, Hakam bermaksud seseorang penimbang tara yang diberi kuasa oleh suami atau isteri atau oleh Mahkamah untuk menyelesaikan perkelahian (*shiqaq*) antara suami dan isteri dalam perkahwinan. Bagi memperincikan tatacara pelaksanaan Hakam di Negeri-negeri, Kaedah-Kaedah Hakam<sup>1</sup> telah digubal dan diwartakan. Namun, tidak semua negeri di Malaysia menggubal Kaedah Hakam tersebut tetapi ada melaksanakan proses perceraian melalui lantikan hakam sebagaimana dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri masing-masing.

---

<sup>1</sup> Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 dan Kaedah-kaedah Hakam (Pahang) 2019.

Oleh yang demikian, menjadi persoalan kepada kriteria dan kelayakan bagi hakam terhadap negeri-negeri yang belum menggubal Kaedah Hakam. Namun, bagi negeri-negeri yang telah menggubal Kaedah Hakam, tinjauan yang dibuat mendapati bahawa ianya terlalu longgar lebih-lebih lagi kepada kelayakan akademik pegawai hakam itu sendiri. Hakam mestilah seorang yang hanya memiliki kelayakan paling kurang setakat Sijil Thanawi. Sedangkan, tugas dan tanggungjawab hakam itu amat berat yang mana mereka boleh menggunakan otoriti bidang tugas hakam untuk mentalakkan mana-mana pasangan yang tiada persetujuan bersama untuk bercerai secara baik. Malah, hakam juga perlu menjiwai tanggungjawab hampir seperti hakim dalam mendengar masalah kekeluargaan melibatkan pihak-pihak yang bertelingkah sekaligus perlu membuat penentuan sama ada wujudnya *shiqaq* dalam rumah tangga pihak-pihak.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang menggabungkan kaedah kualitatif. Pengumpulan data penyelidikan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini termasuk temubual dan analisis kandungan. Menurut Marohaini (2001), penggunaan pelbagai teknik pengumpulan data dapat memperkukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan. Bagi menjalankan kajian ini analisis dibuat terhadap sumber atau penulisan berkaitan fiqh, jurnal akademik serta statut-statut dan dokumen perundangan seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014. Bagi mendapatkan maklumat yang tidak dapat diperolehi dari sumber-sumber sekunder tersebut, temubual separa struktur turut dijalankan dengan Pegawai Syariah dan Pegawai Hakam Negeri Selangor. Pendekatan analisis kandungan telah digunakan untuk menganalisis data temubual bagi mengenalpasti tema-tema tertentu kajian ini. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat dan mengenal pasti beberapa pindaan dan penambahbaikan yang perlu diwujudkan bagi pelaksanaan prosiding hakam. Selain berfungsi untuk mendapatkan maklumat mengenai definisi, konsep, fakta dan perundangan yang berkaitan dengan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada isu pelantikan hakim dan jawatankuasa pendamai dalam proses penyelesaian pertikaian dan perceraian di kalangan orang Islam. Pelantikan hakim dan jawatankuasa pendamai telah diperuntukan secara sah dalam undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia. Namun terdapat beberapa perbincangan yang perlu diperhalusi kembali berkenaan lantikan hakim dalam penyelesaian kes perceraian di Mahkamah Syariah.

### **1. Definisi Jawatankuasa Pendamai**

Di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Negeri Selangor 2003 yang memperuntukkan pelantikan Jawatankuasa Pendamai menjelaskan bahawa jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh seorang Pegawai Agama di Jabatan Agama Islam serta dua orang lain yang terdiri daripada keluarga dan saudara-saudara karib pihak-pihak yang bertikai dan arif tentang pertikaian tersebut. Jawatankuasa pendamai yang dilantik, terdiri daripada seorang yang berada di pihak suami dan seorang lagi berada di pihak isteri. Namun begitu, pembentukan jawatankuasa ini diwujudkan sekiranya terdapat satu pihak dalam perkahwinan yang tidak bersetuju untuk bercerai atau Mahkamah berpendapat ada kemungkinan yang munasabah untuk berlakunya perdamaian antara suami isteri yang bertikai itu (Mahmood Zuhdi, 1995). Jawatankuasa pendamai hendaklah berusaha dalam mencapai perdamaian secepat yang mungkin. Sesetengah negeri memperuntukkan tempoh masa tiga bulan dari tarikh ia dibentuk dan sesetengah negeri pula memperuntukkan tempoh masa enam bulan atau dalam tempoh yang lebih lama mengikut sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah (Mahmood Zuhdi, 1995). Bagi negeri Selangor, jawatankuasa pendamai diberi tempoh enam bulan dari tarikh ia dibentuk atau dalam tempoh yang lebih lama mengikut sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah. Ianya dinyatakan dalam seksyen 47(9) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Semasa jawatankuasa pendamai menjalankan tugasnya, tiada peguam syarie yang dibenarkan hadir atau bertindak bagi mana-mana pihak

dalam sesuatu prosiding di hadapan jawatankuasa. Selain itu, jawatankuasa pendamai akan meminta suami, isteri dan semua pihak yang berkenaan untuk hadir ke Mahkamah (Mahmood Zuhdi, 1989). Tiap-tiap seorang daripada mereka diberi peluang untuk didengar dan boleh mendengar keterangan yang diberikan oleh mana-mana pihak. Jawatankuasa akan membuat apa-apa penyiasatan yang perlu terlebih dahulu, dan juga sekiranya difikirkan perlu, maka akan menangguhkan prosidingnya dari semasa ke semasa (Faiz Adnan, 2015). Sekiranya jawatankuasa pendamai melaporkan kepada Mahkamah bahawa perdamaian itu telah tercapai dan pihak-pihak tersebut telah kembali hidup bersama sebagai suami isteri, maka Mahkamah akan menolak permohonan mereka untuk bercerai. Jika sebaliknya tidak mencapai perdamaian yang sepatutnya dan jawatankuasa pendamai tidak berjaya dalam memujuk suami atau isteri untuk hidup bersama semula, maka Mahkamah akan menasihatkan suami untuk melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah (Faiz Adnan, 2015). Di samping itu, sekiranya suami tidak dapat hadir ke Mahkamah untuk melafazkan talak atau enggan menceraikan isterinya, maka Mahkamah akan melantik hakam bagi tindakan selanjutnya (Mahmood Zuhdi, 1989).

## **2. Definisi Hakam**

Hakam diambil daripada kata dasar *hakama*, *yahkumu*, *hukman* yang bermaksud hukum dan dimaksudkan dengan *al-hakamu* ialah Allah S.W.T. Pendapat lain pula mengatakan bahawa *al-hakam* ialah satu sifat daripada sifat-sifat Allah S.W.T selain *al-hakim* dan *al-hakimu* dan *al-hakim*. Namun begitu, *hakimu* dan *hakamu* dan juga turut disandarkan kepada manusia (Rohi Baalbaki, 1998). Manakala Hakam menurut Amalan Hakam Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 adalah wakil yang diserahkan tugas oleh pihak-pihak dan dilantik oleh Mahkamah atau orang yang dilantik oleh Mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian dan perkelahian (*shiqaq*) antara suami isteri (Faisalludin Yusuff, 2018).

Di dalam kes Permohonan untuk perceraian, sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa perkelahian (*shiqaq*) itu sentiasa berlaku antara suami dan isteri yang memohon perceraian, maka Mahkamah boleh melantik, dua orang penimbangtara atau hakam untuk bertindak bagi

pihak suami dan bagi pihak isteri. Pelantikan hakam hendaklah diberi keutamaan kepada ahli keluarga pihak suami dan pihak isteri yang mengetahui akan hal dalam keadaan kes itu. Apabila pihak-pihak tidak mempunyai wakil, maka mereka haruslah menyatakan alasan yang munasabah kepada Mahkamah seperti dia adalah sebatang kara, dia adalah seorang yang baru memeluk Islam dan sebagainya. Selepas itu, Mahkamah akan menilai alasan yang diberikan, Mahkamah akan melantik hakam panel bagi mewakili pihak-pihak (Muhamad Syafiq, 2019). Pada peringkat ini, hakam akan mengambil alih tugas seterusnya melalui dua peringkat. Peringkat pertama adalah hakam daripada kalangan suami isteri. Mahkamah boleh memberi arahan-arahan kepada hakam tentang hal menjalankan penimbangtaraan dan mereka hendaklah menjalankannya mengikut arahan dan mengikut hukum syarak. Hakam tidak mempunyai kuasa untuk menceraikan pasangan, akan tetapi hakam sekadar memberi kata putus berkenaan dengan rumah tangga pasangan yang bertikai (Muhamad Syafiq, 2019). Peringkat kedua, hakam dilantik oleh Mahkamah Syariah dengan kuasa untuk menceraikan. Suami langsung tidak mempunyai kuasa untuk menghalang perceraian itu (Muhamad Syafiq, 2019). Tambahan pula, ianya adalah sah disisi hukum syarak serta undang-undang. Apabila dibenarkan oleh Mahkamah untuk melafazkan talak, maka Mahkamah hendaklah merekodkan lafaz talak tersebut. Sekiranya hakam gagal membuat demikian, maka Mahkamah hendaklah melantik hakam yang lain. (Che Zuina Ismail et al, 2013). Prosiding hakam ini mengambil masa satu hari sahaja bagi menyelesaikan kes tersebut. Sekiranya terdapat alasan-alasan yang tertentu yang dibenarkan oleh Mahkamah, maka Mahkamah akan menetapkan tarikh baru untuk kes itu (Muhamad Syafiq, 2019). *Shiqaq* dari segi bahasa bermaksud perbalahan atau permusuhan. Manakala dari segi istilah pula bermaksud suami isteri yang sentiasa berbalah dan bergaduh serta saling tuduh-menuduh antara satu sama lain bahawa mereka telah dizalimi oleh pasangan mereka (Norzulaila Mohd Ghazali et al, 2007)



### **3. Bidangkuasa Jawatankuasa Pendamai Menurut Undang-Undang Dan Tafsirannya**

Di bawah seksyen 47, menjelaskan bahawa bidangkuasa tertakhluk pada klausa 5 seperti berikut:

“47(5), sekiranya pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai pengerusi dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi isteri, dan merujuk kes itu kepada jawatankuasa itu”.

Berdasarkan kepada seksyen 47(5) EUKIS 2003, jawatankuasa ini hanya akan ditubuhkan sekiranya terdapatnya arahan daripada mahkamah sahaja. Tambahan pula, wujudnya jawatankuasa ini apabila salah seorang daripada pasangan suami isteri, tidak bersetuju dengan permohonan cerai yang dibuat oleh salah seorang daripada mereka.

Sekiranya mahkamah berpendapat bahawa pasangan suami isteri tersebut mempunyai harapan untuk berdamai, maka jawatankuasa pendamai ini akan dibentuk. Jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama di Pejabat Agama Islam Daerah sebagai pengerusi, seorang wakil daripada pihak suami dan seorang lagi wakil daripada pihak isteri (Muhamad Syafiq, 2019).

“47 (6), pada melantik dua orang itu di bawah subseksyen (5), Mahkamah hendaklah, sekiranya boleh, memberi keutamaan kepada saudara-saudara karib pihak-pihak itu yang tahu akan hal keadaan kes itu.”

Kebiasaannya, pelantikan dua jawatankuasa pendamai itu terlebih dahulu diutamakan kepada ahli keluarga dipihak suami dan isteri. Walau bagaimanapun, fuqaha' dalam masalah ini mempunyai pendapat yang berbeza dalam menentukan adakah wajib atau tidak. Juhum ulama tidak mewajibkan hakam daripada kalangan ahli

keluarga. Namun begitu, keutamaan adalah diberikan kepada ahli keluarga terdekat. Hal ini kerana mereka mungkin boleh memahami masalah yang dialami oleh pasangan (Norzulaila Mohd Ghazali et al, 2007). Sekiranya tiada, barulah disusuli dengan sahabat karib yang mengetahui tentang pertikaian antara suami dan isteri tersebut. Tiada syarat tertentu yang dikenakan. Menurut fuqaha', wakil-wakil daripada pasangan yang bertikai haruslah seseorang yang mempunyai sifat jujur dan boleh dipercayai oleh kedua-dua pasangan untuk menyelesaikan masalah mereka. Pastinya, sesiapa sahaja yang menjadi jawatankuasa pendamai ini, haruslah mengetahui punca-punca masalah yang wujud di antara pasangan suami isteri yang bertelingkah. Tambahan pula, jawatankuasa pendamai ini tidak dikhususkan perlantikkannya sama ada lelaki atau perempuan (Muhamad Syafiq, 2019). Oleh itu, kedua-duanya iaitu lelaki dan perempuan boleh menjadi jawatankuasa pendamai.

Seterusnya, pihak Mahkamah akan mendapatkan butir-butir diri daripada wakil yang dihantar oleh pasangan suami isteri seperti salinan kad pengenalan, nama penuh, alamat dan status hubungan dengan pasangan suami isteri tersebut.

“47 (7), Mahkamah boleh memberi arahan-arahan kepada jawatankuasa pendamai itu tentang hal menjalankan perdamaian itu dan ia hendaklah menjalankannya mengikut arahan-arahan itu”.

“47 (8), sekiranya jawatankuasa itu tidak dapat bersetuju atau sekiranya Mahkamah tidak berpuas hati tentang cara ia menjalankan perdamaian itu, Mahkamah boleh memecat jawatankuasa itu dan melantik jawatankuasa lain bagi menggantikannya”.

“47 (9), jawatankuasa itu hendaklah berusaha mencapai perdamaian dalam tempoh enam bulan dari tarikh ia dibentuk atau dalam tempoh yang lebih lama mengikut sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah”.

Segala tindak-tanduk jawatankuasa pendamai hendaklah berdasarkan arahan yang diberikan oleh Mahkamah. Oleh itu, Mahkamah akan memberikan arahan, jawatankuasa pendamai akan melaksanakan

arahan yang diberikan dalam proses perdamaian. Sekiranya Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara perdamaian yang dilaksanakan oleh jawatankuasa tersebut, maka Mahkamah mempunyai kuasa untuk memecat serta menggantikan jawatankuasa tersebut dengan jawatankuasa yang lain. Tambahan pula, tempoh yang diberikan oleh Mahkamah untuk pasangan tersebut mencapai perdamaian adalah enam bulan dari tarikh jawatankuasa ini di bentuk atau dalam tempoh yang lebih lama tertakluk daripada arahan Mahkamah (Arne Huzaimah, 2019).

“47 (10), jawatankuasa itu hendaklah meminta pihak-pihak itu hadir dan hendaklah memberi tiap-tiap seorang dari mereka peluang untuk didengar dan boleh mendengar mana-mana orang lain dan membuat apa-apa penyiataan yang difikirkannya patut dan boleh, sekiranya ia fikirkan perlu, menangguk prosidingnya dari semasa ke semasa”.

“47 (11), sekiranya jawatankuasa pendamai itu tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya hidup semula bersama sebagai suami isteri, jawatankuasa itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tentang hal yang demikian itu dan boleh melampirkan pada perakuan itu apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan nafkah dan penjagaan anak-anak belum dewasa dari perkahwinan itu, sekiranya ada, berkenaan dengan pembahagian harta, dan berkenaan dengan hal-hal lain berhubung dengan perkahwinan itu”.

Apabila tiada sebarang perdamaian yang wujud semasa dalam tempoh enam bulan dari tarikh pembentukan jawatankuasa, maka jawatankuasa tersebut hendaklah memberi cadangan atau mengesyorkan sesuatu yang berkaitan dengan nafkah, hak penjagaan anak-anak sebelum mereka dewasa serta berkaitan dengan pembahagian harta atau perkara lain yang berkaitan sekiranya berlaku perceraian (Arne Huzaimah, 2019).

“47 (12), tiada seseorang Peguam Syarie boleh hadir atau bertindak bagi mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding di hadapan sesuatu jawatankuasa pendamai dan tiada sesuatu

pihak boleh diwakili oleh sesiapa jua, selain dari seorang ahli keluarganya yang karib, tanpa kebenaran jawatankuasa pendamai itu.”

Jawatankuasa pendamai hendaklah memberi peluang kepada suami isteri untuk menyatakan pendapat mereka. Di peringkat ini, peguam Syarie tidak dibenarkan untuk menghadiri sesi tersebut. Tambahan pula, perbincangan yang dijalankan adalah eksklusif di antara pihak-pihak yang terlibat, wakil daripada pihak-pihak dan pengerusi sahaja (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1989; Mumtazah Narowi & et.al, 2021).

“47 (13), sekiranya jawatankuasa itu melaporkan kepada Mahkamah bahawa perdamaian telah mencapai dan pihak-pihak itu telah hidup semula bersama sebagai suami isteri, Mahkamah hendaklah menolak permohonan untuk perceraian itu”.

“47 (14), sekiranya jawatankuasa mengemukakan kepada Mahkamah suatu perakuan bahawa ia tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya hidup semula bersama sebagai suami isteri, Mahkamah hendaklah menasihatkan suami yang berkenaan itu melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah, dan sekiranya Mahkamah tidak dapat mendapatkan suami itu hadir di hadapan Mahkamah untuk melafazkan satu talak atau sekiranya suami itu enggan melafazkan satu talak, maka Mahkamah hendaklah merujuk kes itu kepada Hakam untuk tindakan menurut seksyen 48”.

“47 (15), kehendak subsekyen (5) tentang rujukan kepada jawatankuasa pendamai tidak terpakai dalam sesuatu kes:

- (a) Di mana pemohon mengatakan bahawa dia telah ditinggal langsung oleh pihak yang satu lagi itu dan tidak tahu di mana pihak yang satu lagi itu berada;
- (b) Di mana pihak yang satu lagi itu bermastautin di luar Malaysia Barat dan ia tidak mungkin masuk ke dalam bidang kuasa Mahkamah yang berkenaan itu dalam masa enam bulan selepas tarikh permohonan itu;
- (c) Di mana pihak yang satu lagi itu sedang dipenjara selama tempoh tiga tahun atau lebih;

- (d) Di mana pemohon mengatakan bahawa pihak yang satu lagi itu sedang mengidap penyakit otak yang tak boleh sembuh; atau
- (e) Di mana Mahkamah berpuas hati bahawa ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan rujukan kepada suatu jawatankuasa pendamai tidak praktik”.

“47 (16), sesuatu talak raj’i yang dilafazkan oleh suami melainkan dibatalkan terlebih dahulu, sama ada secara nyata atau tafsiran, atau dengan perintah daripada Mahkamah, tidak boleh berkuat kuasa untuk membubarkan perkahwinan itu sehingga habisnya tempoh ‘iddah”.

“47 (17), sekiranya isteri hamil pada masa talak itu dilafazkan atau pada masa perintah itu dibuat, talak atau perintah itu tidak boleh berkuat kuasa untuk membubarkan perkahwinan itu sehingga berakhir kehamilan itu”.

Setelah tamat tempoh yang ditetapkan, jawatankuasa pendamai hendaklah menghantar laporan atau syor kepada mahkamah sama ada pasangan ini patut bercerai atau sebaliknya. Sekiranya perdamaian dapat diwujudkan oleh jawatankuasa pendamai, maka permohonan cerai yang telah dipohon akan digugurkan oleh Mahkamah. Jika disebaliknya, Mahkamah akan menasihatkan suami untuk melafazkan satu talak di hadapan mahkamah (Hammad, 2019). Menurut seksyen 47 (15), menyebutkan bahawa jawatan kuasa pendamai itu tidak terpakai sekiranya pemohon mengatakan bahawa dia telah ditinggal langsung oleh pihak yang satu lagi dan tidak tahu di mana pihak yang satu lagi itu berada. Kedua, apabila pihak yang satu lagi bermastautin di luar Malaysia Barat dan tidak mungkin dapat hadir ke Mahkamah dalam masa enam bulan selepas tarikh permohonan. Ketiga, pihak yang satu lagi itu sedang dipenjara selama tempoh tiga tahun atau lebih. Keempat pula, apabila pemohon mengatakan bahawa pihak yang satu lagi itu sedang mengidap penyakit otak yang tidak boleh sembuh. Dan akhir sekali, apabila Mahkamah berpuas hati bahawa ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan rujukan kepada suatu jawatankuasa pendamai tidak praktikal (Hammad, 2019).

Selain itu, sesuatu talak raj'i yang dilafazkan oleh suami melainkan dibatalkan terlebih dahulu, sama ada secara nyata atau tafsiran, atau dengan perintah daripada mahkamah, tidak boleh berkuat kuasa untuk membubarkan perkahwinan itu sehingga habisnya tempoh 'iddah. Sekiranya didapati bahawa isteri hamil pada masa talak itu dilafazkan atau pada masa perintah itu dibuat, talak atau perintah itu adalah tidak boleh berkuatkuasa untuk membubarkan perkahwinan itu sehingga isteri tersebut melahirkan anak (Hammad, 2019).

Tambahan pula, ada juga suami yang tidak dapat menghadirkan diri atau tidak mahu untuk melepaskan isterinya atas dasar masih sayang atau memikirkan kebahagiaan anak-anak mereka, maka Mahkamah hendaklah membawa kes tersebut kepada proses Hakam mengikut peruntukan seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (EUKIS) 2003 (Muhamad Syafiq, 2019).

#### **4. Bidangkuasa Hakam Menurut Syarak Dan Undang-Undang**

Ijmak ulama mengatakan bahawa hakam dilantik berkuasa untuk mendamaikan atau menceraikan pasangan yang berkelahian (*shiqaq*). Ibrahim Nakha'i ada mengatakan; "Sekiranya kedua hakam telah bersepakat untuk menceraikan pasangan yang bertelingkah maka lakukanlah (Che Zuina Ismail et al. 2013). Selain itu, hakam juga berkuasa untuk mengambil tindakan memisahkan pasangan yang bertelagah, berlandaskan dengan hukum syarak iaitu (Che Zuina Ismail et al, 2013);

"Janganlah kamu melakukan kerosakan terhadap orang lain dan janganlah pula kamu bertindak balas melakukan kemudaratan yang sama dengan kemudaratan keatasnya".

Namun, hakam yang telah dilantik oleh Mahkamah Syariah di Malaysia adalah tidak berkuasa untuk menceraikan pasangan yang berkelahian (*shiqaq*) melainkan telah mendapat kuasa daripada mahkamah untuk berbuat demikian. Mahkamah hanya memberi kuasa untuk mendamaikan sahaja kepada para hakam dan kadangkala menceraikan sekaligus. Sekiranya kuasa mendamai sahaja diberikan, maka hakam tidak berkuasa untuk menceraikan pasangan tersebut.

Sekiranya hakam telah mendapat kuasa untuk menceraikan pasangan tersebut daripada mahkamah akan tetapi hakam itu tidak menjalankan tugasnya, hakam tersebut akan dipecat dan hakam yang lain akan dilantik (Muhamad Syafiq, 2019).

Mahkamah akan menasihati suami untuk melafazkan satu talak di hadapan mahkamah apabila jawatankuasa pendamai tidak dapat membantu dalam mencapai perdamaian. Sekiranya suami enggan melafazkan talak dan tidak menghadirkan diri ke mahkamah, maka mahkamah akan merujuk kes tersebut kepada hakam menurut seksyen 48 EUKIS. Menurut seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (EUKIS) 2003 adalah seperti berikut:

“48 (1), sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa perkelahian (*shiqaq*) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah boleh melantik, mengikut Hukum Syarak, dua orang penimbangtara atau Hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing-masing”.  
“48 (2), pada melantik Hakam di bawah subseksyen (1) Mahkamah hendaklah, sekiranya boleh, memberi keutamaan kepada saudara-saudara karib pihak-pihak yang berkenaan itu yang tahu akan hal keadaan kes itu”.

Mahkamah boleh melantik dua orang penimbangtara atau hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri apabila Mahkamah mendapati bahawa *shiqaq* sentiasa berlaku diantara mereka berdua. Pelantikan hakam ini diberi keutamaan kepada saudara-saudara karib bagi pihak berkenaan. Tambahan pula, hakam yang dilantik itu haruslah mengetahui tentang keadaan kes tersebut (Che Zuina Ismail et al., 2013);

48 (3), Mahkamah boleh memberi arahan-arahan kepada Hakam tentang hal menjalankan penimbangtaraan dan mereka hendaklah menjalankannya mengikut arahan-arahan itu dan Hukum Syarak”  
“48 (4), sekiranya Hakam tidak dapat bersetuju, atau sekiranya Mahkamah tidak puas hati dengan cara mereka menjalankan penimbangtaraan itu, Mahkamah boleh memecat mereka dan melantik Hakam”.

Hakam hendaklah mengikut arahan-arahan dan hukum syarak yang telah diberikan oleh Mahkamah. Sekiranya hakam atau Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara menjalankan penimbangan, maka Mahkamah boleh memecat mereka dan melantik hakam yang lain (Mohamad Yuszairi, 2020).

“48 (5), hakam hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh, sekiranya kuasa mereka membenarkan, melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah sekiranya dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah, dan sekiranya demikian halnya, Mahkamah hendaklah merekodkan lafaz satu talak itu, dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan”.

“48 (6), sekiranya Hakam berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh kerana sesuatu sebab, Mahkamah hendaklah melantik Hakam lain dan hendaklah memberi kepada mereka kuasa untuk memerintahkan perceraian dan hendaklah, sekiranya mereka berbuat demikian, merekodkan perintah itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada ketua pendaftar untuk didaftarkan”.

“48 (7), melainkan sekiranya dia adalah anggota keluarga terdekat pihak itu, maka tiada seorang pun atau Peguam Syarie boleh dibenarkan hadir atau mewakili mana-mana pihak di hadapan Hakam”.

Sekiranya mahkamah membenarkan melafazkan satu talak, maka mahkamah akan merekodkan lafaz talak tersebut serta menghantar salinan rekod yang diperakui kepada Pendaftar dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftar. Mahkamah hendaklah melantik hakam lain dan hendaklah memberikan kepada mereka kuasa untuk memerintahkan perceraian apabila hakam berpendapat pihak tersebut patut bercerai oleh kerana sebab tertentu. Melainkan sekiranya hakam tersebut adalah anggota keluarga terdekat, maka tiada seorang pun atau peguam boleh dibenarkan hadir atau mewakili pihak di hadapan hakim (Muhamad Syafiq, 2019).



Kesimpulan daripada seksyen 48 (EUKIS) 2003 adalah berkaitan dengan bidangkuasa Mahkamah dalam melantik hakam. Namun begitu, pelantikan hakam dikhususkan bidangkuasanya (Faisaluddin Yusuff, 2018). Hakam hanya akan dilantik bagi menangani krisis rumah tangga yang jelas berlaku *shiqaq* atau pertelingkahan tetapi tidak diketahui dengan jelas punca pertikaian yang berlaku.

Tambahan pula, terdapat dua peringkat pelantikan hakam. Peringkat hakam pertama berdasarkan peruntukan seksyen 48 (1). Manakala peringkat kedua berdasarkan seksyen 48 (4). Di samping itu, hakim tidak semestinya melantik hakam dalam semua kes krisis rumah tangga melainkan bagi kes-kes yang jelas berlaku *shiqaq* tetapi tidak diketahui punca jelas pertikaian tersebut. Tidak semua kes perbalahan antara suami isteri perlu kepada pelantikan hakam. Walau bagaimanapun sebelum melantik hakam, Mahkamah hendaklah terlebih dahulu mensabitkan *shiqaq* telah berlaku antara pasangan suami isteri yang bertelingkah (Mohd Firdaus Bin Akhtar, 2019).

Seterusnya, pelantikan hakam adalah setakat dua kali pelantikan sahaja. Sekiranya hakam kedua yang dilantik juga tidak dapat menjalankan tugas yang sepatutnya, maka Hakim akan membuat keputusan berdasarkan budi bicara sendiri. Menurut Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014.

“Tertakluk kepada kaedah 9, hakam hendaklah menamatkan *shiqaq* antara suami dan isteri dengan cara mendamaikan atau memisahkan kedua-duannya dengan talak atau khuluk”.

Ini bermaksud, fungsi hakam itu sendiri adalah membantu dalam menamatkan *shiqaq* (perbalahan) antara suami dan isteri. Tambahan pula, apabila hakam gagal dalam menamatkan *shiqaq*, maka hakam tersebut boleh memisahkan suami dan isteri itu dengan cara talak ataupun secara khuluk.

“Kaedah 10, Semasa menjalankan Majlis Tahkim, Hakam hendaklah:-

- (a) Menerima dan melaksanakan arahan Mahkamah dari semasa ke semasa; dan
- (b) Menjelaskan tentang peraturan umum yang perlu dipatuhi oleh semua pihak sepanjang Majlis Tahkim”.

Hakam itu sendiri haruslah menerima dan melaksanakan arahan yang telah diberikan oleh Mahkamah. Seterusnya, tanggungjawab hakam juga hendaklah menjelaskan segala peraturan umum yang patut dipatuhi oleh semua pihak sepanjang Majlis Tahkim berlangsung. Tambahan pula, menurut Arahan Amalan No. 1. 2006. Amalan Hakam Mahkamah Syariah (Negeri Selangor);

“Tertakluk kepada arahan 2:

- (a) Setiap hakam hendaklah memanggil prinsipal masing-masing bagi memperoleh punca-punca pertikaian; Kedua-dua hakam hendaklah mengadakan pertemuan dan mengenal pasti serta mencari penyelesaian secara
- (b) gagal menerima penyelesaian secara sulh, hakam hendaklah berusaha memperoleh kuasa daripada prinsipal masing-masing sama ada melafaz talak atau secara khulu’;
- (c) Melaporkan kepada Mahkamah hasil siasatan tersebut, bahawa didapati tiada perdamaian atau tiada keizinan daripada prinsipal untuk perceraian dan mencadangkan kepada Mahkamah supaya melantik hakam lain untuk diberi kuasa perceraian”

Pihak hakam hendaklah melangsungkan pertemuan antara pihak-pihak yang bertikai bagi mengetahui punca-punca pertikaian serta membantu dalam menyelesaikan pertikaian tersebut. Tambahan pula, pertemuan itu secara tidak langsung dapat memberikan kata putus yang sebenar.

Sekiranya hakam gagal dalam mencapai perdamaian, maka hakam tiap-tiap pihak hendaklah memdapatkan kuasa daripada pihak suami dan isteri bagi melafazkan talak atau talak secara khuluk. Justeru itu, hakam hendaklah melaporkan kepada Mahkamah bahawa kes tersebut tidak dapat mencapai perdamai (Faisaluddin Yusuff, 2018).

Di samping itu, sekiranya tidak mendapat keizinan kuasa daripada pihak suami untuk menceraikan maka hakam boleh mencadangkan kepada Mahkamah untuk melantik hakam lain dan diberi kuasa untuk menceraikan.

“Arahan 5: (Tatacara dan Tempoh Perjalanan Penimbangtaraan)

- (1) Sesuatu tempoh perjalanan penimbangtaraan pada peringkat permulaan tidak boleh dilangsungkan lebih satu bulan daripada tarikh pelantikan hakam;
- (2) Mahkamah boleh atas budi bicaranya melanjutkan tempoh perjalanan penimbangtaraan sekiranya difikirkan patut tidak melebihi satu bulan sekiranya had masa yang diberikan di dalam sub arahan (1) tidak dapat dipenuhi;
- (3) Hakam peringkat ini tidak berkuasa menceraikan suami isteri kecuali dengan keizinan kedua belah pihak suami isteri tersebut;
- (4) Sekiranya Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara salah seorang atau kedua-dua hakam menjalankan penimbangtaraan itu, Mahkamah boleh memecat salah seorang atau kedua-dua mereka dan melantik hakam yang lain sebagai ganti;
- (5) Kuasa penuh daripada prinsipal mengikut subseksyen 48(5) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, hendaklah diberikan kepada Hakam dengan menggunakan Borang AH 3;
- (6) Mahkamah hendak memanggil pihak-pihak ke Mahkamah pada masa, tarikh dan tempat yang ditentukan dan pada peringkat ini, Hakim boleh membenarkan hakam, melafazkan talak atau khulu’;
- (7) Sekiranya hakam tidak mendapat kuasa penuh daripada prinsipal mereka sepertimana sub Arahan 5, maka Mahkamah hendaklah melantik hakam lain dan hendaklah memberi kuasa kepada hakam menceraikan isteri itu dengan khulu’ seperti dalam Borang AH 6;
- (8) Mahkamah boleh membatalkan pelantikan mana-mana hakam pada bila-bila masa sekiranya tidak berpuas hati

- dengan cara pelaksanaan penimbangtaraan atau atas apa-apa sebab yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;
- (9) Mahkamah boleh atas budibicaranya melanjutkan tempoh pelaksanaan Hakam sekiranya difikirkan patut tidak melebihi tempoh satu bulan sekiranya had masa yang diberikan di dalam sub Arahan 2 tidak dapat dipenuhi”.

Tempoh perjalanan suatu timbangtara pada peringkat permulaan adalah tidak boleh melebihi satu bulan daripada pelantikan hakam (Hammad, 2019).

Mahkamah juga boleh melanjutkan tempoh suatu timbangtara itu. Tambahan pula, hakam tidak mempunyai kuasa untuk menceraikan suami isteri kecuali dengan mendapat keizinan daripada kedua belah pihak. Sekiranya Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara hakam menjalankan timbangtara, maka Mahkamah boleh memecat hakam tersebut dan melantik hakam baru untuk menjalankan timbangtara dalam kes itu. Mahkamah juga boleh melanjutkan tempoh pelaksanaan hakam sekiranya difikirkan patut. Tempoh yang diberikan adalah tidak melebihi satu bulan sekiranya had masa yang diberikan di dalam sub Arahan 2 tidak dapat dipenuhi (Hammad, 2019).

## **5. Perbezaan Jawatankuasa Pendamai Dan Hakam**

Secara umumnya, daripada takrif dan peranan jawatankuasa pendamai dan hakam terdapat beberapa perbezaan yang dapat dilihat daripada pihak-pihak jurudamai tersebut, antaranya:

### **(a) Kuasa Prinsipal**

Jawatankuasa pendamai hanya berkuasa untuk melaporkan sahaja cadangan akan tetapi Mahkamah yang berkuasa penuh dalam membuat suatu tidakan. Manakala hakam pula, diberi kuasa sepenuhnya dalam membuat keputusan sama ada untuk melafazkan talak atau menerima tebus talak, sekiranya ia merupakan wakil bagi suami. Wakil bagi isteri pula, berkuasa untuk menerima talak dan membayar tebus talak sebanyak mana yang telah disepakati antara mereka (Faiz Adnan, 2015).

**(b) Tempoh Masa**

Jawatankuasa pendamai diberi tempoh hadnya sekitar tiga hingga enam bulan sahaja, sedangkan pelantikan hakam adalah tidak lebih tiga puluh hari dari tarikh penetapan pelantikan (Mohd Nadzri, 2020). Hakam diberi peluang untuk menyelesaikan pertikaian suami isteri tersebut, selagi mana hakam yang dilantik merasakan ada peluang untuk mewujudkan perdamaian antara mereka (Hammad, 2019).

**(c) Lantikan**

Jawatankuasa pendamai dilantik dalam keadaan apabila salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai atau apabila Mahkamah berpendapat bahawa berkemungkinan pasangan yang bertikai itu boleh berdamai. Manakala hakam pula peranannya adalah lebih luas mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam berbanding dengan peranan jawatankuasa pendamai. Ini kerana hakam berperanan untuk menyelesaikan *shiqaq* yang berlaku antara pasangan suami isteri. Malahan, sesetengah negeri membolehkan pelantikan hakam dalam masalah *dharar* (Musa Awang, 2018).

**(d) Punca Kuasa**

Mahkamah akan menasihati suami untuk melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah, sekiranya apabila jawatankuasa pendamai yang dilantik tidak dapat membantu dalam mencapai perdamaian antara pasangan. Manakala bagi kes yang di rujuk hakam, apabila hakam mendapati tiada harapan untuk pasangan tersebut berdamai, maka hakam boleh membuat keputusan cerai dengan satu talak *ba'in sughra* kepada hubungan suami isteri tersebut. Kesannya adalah suami tidak boleh merujuk isterinya kembali melainkan dengan akad yang baru.

Bagi kes *shiqaq* yang berpunca daripada pihak suami, talak yang dijatuhkan adalah satu talak *ba'in* tanpa *'iwad*. Manakala sekiranya *shiqaq* yang berpunca daripada pihak isteri, maka hakam hendaklah mengambil keputusan cerai satu talak *ba'in* dengan khuluk. Perceraian khuluk ini adalah atas pembayaran oleh isteri kepada suaminya. Oleh itu, kesan daripada perceraian dengan cara ini adalah tidak

mbolehkan suami isteri tersebut menjalankan kehidupan kembali sebagai suami isteri buat selama-lamanya (Muhamad Syafiq, 2019).

Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri Selangor, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang, hakam berperanan sekiranya jawatankuasa pendamai tidak dapat menyelesaikan kes yang dirujuk kepada mereka. Ini bermakna setiap kes yang berkaitan dengan permohonan cerai yang tidak mendapat persetujuan salah satu pihak akan dirujuk kepada jawatankuasa pendamai terlebih dahulu. Sekiranya ia tidak dapat diselesaikan, barulah Mahkamah akan memerintahkan pelantikan hakam dalam membantu menangani perceraian antara suami isteri yang bertikai. Punca kuasa adalah dimana terjadinya kuasa itu diberikan. Tambahan pula, punca kuasa kepada sesuatu Enakmen Syariah itu adalah dibawah Bidangkuasa Kerajaan Negeri yang terletak dibawah Senarai II, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan Negeri yang akan memberi kuasa kepada sesuatu enakmen. Justeru itu, Kerajaan Negeri berkuasa untuk menggubal enakmen negeri-negeri. Punca kuasa jawatankuasa pendamai adalah daripada seksyen 47(5) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Manakala punca kuasa hakam pula adalah daripada seksyen 48(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

## **SARANAN**

### **Penyelarasan Undang-Undang**

Prinsip syariah berkaitan dengan jawatankuasa pendamai dan hakam dalam pelaksanaannya harus diperjelaskan dan diperkemas lagi. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyemak enakmen syariah seharusnya membincangkan idea untuk mengemaskini pelaksanaan jawatankuasa pendamai dan hakam di dalam enakmen keluarga Islam dan kaedah-kaedah hakam di semua negeri. Perkara ini bertujuan untuk memperkemas, memperjelaskan serta memperincikan berkaitan dengan jawatankuasa pendamai dan hakam serta pelaksanaannya. Tambahan pula, secara tidak langsung dapat memperluaskan lagi maksud hakam di Mahkamah Syariah agar merangkumi pelaksanaan hakam dalam perbicaraan kes-kes mal selain daripada perceraian.

Selain itu, Mahkamah Syariah di setiap negeri perlu mengambil pendirian yang jelas untuk menerima pakai secara mutlak dan seragam dalam pelaksanaan hakam sebagai penyelesaian pertikaian dalam mana-mana perbicaraan kes mal syariah. Tambahan pula, dapat dilihat di Negeri Selangor bahawa kaedah-kaedah hakam telah digunapakai dengan sebaiknya. Malah, dengan kewujudan kaedah tersebut boleh menjadikan undang-undang keluarga itu dilihat lebih efisien dan teratur bagi menjalankan proses pelaksanaan hakam. Ini kerana para hakam boleh merujuk serta menjadikan kaedah-kaedah hakam sebagai panduan ketika pelaksanaan dalam proses hakam. Justeru itu, pihak berwajib di peringkat penguatkuasaan negeri harus mengadakan perbincangan ke arah mewujudkan suatu ketetapan berbentuk prosedur dan pengoperasian untuk menyeragamkan pelaksanaan hakam bagi negeri-negeri.

## **Kelayakan Hakam**

Kelayakan bermaksud kebolehan, kecekapan dan kelulusan yang khas. Dalam peruntukan menjelaskan kelayakan jawatankuasa pendamai dengan jelas. Dimana seseorang jawatankuasa pendamai itu haruslah mengetahui tentang pertikaian yang berlaku dalam sebuah rumah tangga. Ini kerana jawatankuasa pendamai itu hanyalah bertujuan untuk mencari perdamaian sahaja, sedangkan hakam pula bertujuan untuk membuktikan wujudnya *shiqaq* dalam sebuah rumah tangga. Apabila dilihat kelayakan bagi hakam, tiada perincian jelas yang dinyatakan. Dalam seksyen 8(1) Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014, kelayakan seorang hakam bagi keluarga hanyalah dinyatakan sebagai seorang yang Islam, lelaki, berakal dan baligh, adil dan amanah dan juga mempunyai pengetahuan asas dalam hal kekeluargaan dan hukum syarak (Mohd Firdaus Akhtar, 2020).

Kelayakan ini dilihat agak longgar untuk menjadi seorang hakam. Kelayakan akademik seorang hakam hendaklah memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya *Sijil Thanawi* atau yang setaraf dengannya dan lulus dalam apa apa proses penilaian yang ditetapkan oleh jawatankuasa. Ini kerana hakam panel mempunyai kuasa untuk menjatuhkan talak kepada isteri, maka seharusnya seorang hakam panel itu mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi bukan sekadar *Sijil Thanawi* sebagai kelayakan paling minimum. Hakikatnya, tugas hakam juga sama berat seperti seorang hakim syarie yang mana mereka boleh mentalakkan mana-mana pihak setelah

mengenalpasti wujudnya *shiqaq* yang berterusan dalam rumahtangga. Malah keputusan untuk mencadangkan perkahwinan seseorang individu itu tidak lagi adanya *mawaddah* adalah suatu keputusan yang perlu dibuat melalui ilmu, pengetahuan dan pengalaman. Lebih mudah difahami bahawa tugas ini memerlukan individu yang berkeahlian.

## **Keputusan Majlis Tahkim**

Keputusan Majlis Tahkim tidak boleh dirayu, sebaliknya hanya melalui perintah semakan (Mohd Firdaus Akhtar, 2020). Kesan ini dilihat berat, kepada pasangan yang hakikatnya tidak bersetuju kepada perceraian. Malah status perceraian adalah secara *ba'in sughra*. Oleh yang demikian, disebabkan hakikat kesan perceraian hakam ini tinggi bebannya, maka kelayakan hakam itu perlulah disemak kembali.

## **KESIMPULAN**

Pelantikan jawatankuasa pendamai dan hakam dilihat sangat membantu perjalanan proses perceraian tanpa persetujuan bersama. Namun, perbincangan yang ada lebih tertumpu kepada pelantikan hakam. Menurut Ketua Hakim Syarie Selangor Yang Amat Arif Dato' Mohammad Adib Bin Husain menegaskan bagi kes permohonan perceraian yang bukan melalui proses kerja *fast track*, 24,322 kes bagi tempoh 2017 hingga Jun tahun ini telah berjaya diselesaikan dan selebihnya masih menjalani prosiding mahkamah. Beliau juga menambah, antara usaha yang dilakukan jabatan berkenaan bagi mempercepatkan pengurusan kes itu termasuklah memperkenalkan pelaksanaan hakam dalam permohonan cerai melalui Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 selain menjalankan perbicaraan pada waktu malam (My Metro, 2019).

Justeru, berdasarkan statistik ini didapati pemakaian hakam adalah sangat membantu dan pelantikan hakam juga selari dengan ketetapan syarak. Perkara yang menjadi isu berbangkit hanyalah berkaitan dengan kelayakan hakam itu sendiri yang dikatakan agak longgar dan disarankan untuk ditambah baik atau dipinda. Khususnya kepada kelayakan akademik, dengan mengambil kira kepada beratnya tanggungjawab pada sesuatu tugas. Seterusnya, berkenaan standard pelantikan hakam bagi negeri-negeri



di Malaysia. Sewajarnya jika pelantikan hakam ini dikatakan mampu mempercepatkan penyelesaian kes maka adalah baik diselaraskan bagi semua negeri-negeri di Malaysia dengan menggubal Kaedah-kaedah Hakam negeri masing-masing.

Walaupun, hakikatnya para hakam ada diberikan kursus untuk menambah baik pengetahuan dan ilmu undang-undang mereka namun kelayakan akademik haruslah diberikan perhatian yang istimewa. Walaubagaimanapun, pelaksanaan hakam yang telah dilaksanakan di Negeri Selangor perlulah diberikan kredit kerana berjaya menerajui satu transformasi baru dalam kaedah penyelesaian kes perceraian dengan cepat tanpa membebankan pihak-pihak.

## **RUJUKAN**

- Arne Huzaimah. (2019). *Menelaah Pelaksanaan Pengangkatan Hakam Pada Perkara Shiqaq Di Pengadilan Agama Indonesia Dan Mahkamah Syar'iyah Malaysia*. t.tp.
- Bernama. (2019). *Kes Cerai di Selangor Turun*. My Metro. Kes cerai di Selangor turun | Harian Metro (hmetro.com.my)[23 Disember 2020].
- Che Zuina Ismail et al.( 2013). *Wanita dan Isu-Isu Kekeluargaan*. Selangor: Dee Sega Enterprise.
- Hammad Bin Mohamad Dahalan. (2019). *Kuliah Penyelesaian Pertikaian Alternatif: Tajuk: Penimbangtaraan*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (1968). *Lisan Al-Arab*. t.pt. Dar Bayrut.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS).(2018). *Pelaksanaan Hakam Rungkai Konflik Gantung tak Bertali*. Sinar Harian Online. [https://.archive.sinarharian.com.my/sinar-islam/pelaksanaan-hakam-rungkai-konflik-gantung-tak-bertali](https://archive.sinarharian.com.my/sinar-islam/pelaksanaan-hakam-rungkai-konflik-gantung-tak-bertali) 1.899359. [21 Disember 2020].

- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid. (1989). *Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid. (1995). *Kursus Perkahwinan Dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Edisi Kedua. T.tp. Dasar Maju (M) Sdn Bhd.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor & Siti Amalina Ahmad Khairundin. (2021). Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20)*. UNISEL. 182-183.
- Norzulaila Mohd Ghazali et al.(2007). *Nusyuz, Shiqaq dan Hakam*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Peguam Syarie Faiz Adnan Associates. (2015). *Jawatankuasa Pendamai Dan Hakam*. <https://peguamsyariefas.com.my/jawatankuasa-pendamai-dan-hakam/> [10 Disember 2020]
- Siti Fatimah Abdul Ghani & Haslee Sharil Lim. (2006). Perkhidmatan Kaunseling Keluarga: Satu Alternatif dalam Pengurusan Konflik Rumah Tangga. *Masalah Pendidikan*,6-79.
- Tuan Musa Awang. (2019). *Cerai Hakam | WHI (6 Disember 2018) –CERAI HAKAM YouTube [6 DISEMBER 2018]*
- Tuan Faisaluddin Yusuff. (2018). *Perceraian Hakam*. SPM 2018: SYARIAH – PERCERAIAN HAKAM [14 DIS 2018] - Youtube [21 Disember 2020]

## **TEMU BUAL**

Temu bual bersama Tuan Hammad Bin Mohamad Dahalan. Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Bangi, Selangor pada 20 November 2019. Jam 10 pagi.

Temu bual bersama Tuan Mohd Firdaus Bin Akhtar. Pegawai Hakam Negeri Selangor pada 22 Disember 2020. Jam 3:40 petang secara dalam talian.

Temu bual bersama Tuan Muhamad Syafiq Bin Ibrahim. Pegawai Sulh (Mendapat Tauliah Hakim) di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat. Bandar Baru Bangi, Selangor pada 26 November 2019. Jam 3:40 petang.

Temu bual bersama talian bersama Tuan Mohamad Yuszairi Bin Mohamad Zam Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) Selangor pada 12 Jun 2020. Jam 4 petang secara dalam talian.

